A

Pan Kar Chun lwn Radin Zalinah bt Radin Othman

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN SIVIL NO 11B-12–10 TAHUN 2015
AL BAISHAH ABD MANAN PK
30 JANUARI 2017

C

Tort — Kecuaian — Kemalangan jalan raya — Majistret memutuskan perayu 100% bertanggungan dalam kemalangan jalan raya di antara perayu dan responden — Perayu dan responden menyatakan versi berbeza berkenaan dengan kejadian kemalangan — Sama ada majistret khilaf berkenaan dengan dapatan tempat berlakunya pertembungan — Sama ada terdapat penambahan dan percanggahan dalam versi responden — Sama ada majistret khilaf apabila gagal meneliti keterangan senyap — Sama ada terdapat cuai sumbangan oleh responden dalam kemalangan yang berlaku

D

E

Perayu telah memfailkan rayuan ini terhadap keputusan majistret yang telah mendapati bahawa perayu adalah 100% bertanggungan dalam kemalangan jalan raya yang berlaku di antara perayu dan responden pada 28 Mei 2014. Terdapat percanggahan di antara versi perayu dan versi responden berkenaan dengan kejadian kemalangan tersebut. Perayu mendakwa bahawa motosikal yang ditunggang oleh responden telah bersentuh dengan 'handle' kanan motosikal perayu dan menyebabkan perayu jatuh di sebelah kiri jalan. Responden pula mendakwa motosikal perayu yang sedang dalam arah perjalanan yang sama di sebelah kanan iaitu dari arah yang sama hendak ambil susur di sebelah kiri untuk ke Johor Bahru telah secara tiba-tiba menghimpit dan menggesel motosikal responden. Isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu adalah: (a) tuan majistret telah terkhilaf berkenaan pertembungan kemungkinan berlaku di 'X' yang ditandakan di dalam rajah kasar di dalam rekod rayuan tambahan 2; (b) terdapat tambahan pada versi responden; dan (c) tuan majistret telah terkhilaf apabila tidak menilai kerosakan sebenar yang dialami oleh kedua-dua motosikal sebelum menerima versi responden.

F

G

H

Diputuskan, membenarkan rayuan dan memutuskan bahawa tanggungan kecuaian adalah sama rata iaitu 50% perayu dan 50% responden dengan kos sebanyak RM1,000:

I

(1) Tuan majistret tidak membuat penemuan fakta berkaitan tempat pertembungan berlaku sama ada di 'X' atau di 'Z'. Selain itu, berdasarkan keterangan, pihak polis tidak menjalankan siasatan secara menyeluruh (lihat perenggan 29 & 34).

(2) Terdapat penambahan fakta dalam keterangan responden yang tidak dinyatakan dalam pliding ataupun laporan polis ('P1') yang dibuat olehnya. Keterangan responden juga berbeza dengan apa yang dinyatakan dalam P1 dan plidingnya. Percanggahan tersebut telah menggugat kepercayaan mahkamah terhadap keterangan tersebut setakat mana ia bercanggah (lihat perenggan 36–37 & 41).

(3) Majistret telah terkhilaf apabila gagal meneliti keterangan senyap iaitu kerosakan kenderaan yang terlibat dalam menentukan bagaimana kemalangan berlaku dan tempat berlakunya kemalangan. Di dalam keterangan, tidak dinyatakan sama ada kerosakan yang berlaku ke atas motosikal perayu adalah di sebelah kiri atau kanan. Selain itu, tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan bahawa terdapat kerosakan di bahagian belakang kanan motosikal responden seperti yang didakwa oleh responden (lihat perenggan 44–47).

(4) Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, atas imbangan kebarangkalian, mahkamah mendapati responden turut cuai sumbangan 50% dalam kemalangan yang berlaku. Dapatan tersebut turut disokong oleh keterangan pegawai penyiasat yang mengesahkan ada kemungkinan kedua-dua motosikal tersebut bergesel antara satu sama lain dan kes ini diklasifikasikan sebagai 'Refer To Insurance' (lihat perenggan 48).

[Bahasa Malaysia summary

The appellant filed this appeal against the decision of the magistrate in finding that he was 100% liable for the road accident occurring between the appellant and the respondent on 28 May 2014. There were discrepancies between the versions of the appellant and the respondent relating what transpired during the accident. The appellant averred that the motorcycle rode by the respondent had brushed the right handle of the appellant's motorcycle, causing the latter to fall on the left side of the road. However, the respondent submitted that the appellant's motorcycle which was heading the same direction as the respondent was on the right which was the junction on the left to Johor Bahru, had suddenly leaned towards and brushed the respondent's motorcycle. The issues raised by the appellant were: (a) the magistrate erred in the collision which occurred at 'X', as marked in the plan in the additional appeal record 2; (b) there was an addition to the respondent's version; and (c) the magistrate erred in not accepting the real damages sustained by both motorcycles before accepting the respondent's version.

Held, allowing the appeal and deciding that the apportionment of liability of negligence was equal which was 50% to the appellant and 50% to the respondent with cost of RM1,000:

(1) The magistrate did not make a finding of fact on the place where the collision took place; whether at 'X' or 'Z'. Aside from that, based on

evidence, the police did not carry out a thorough investigation (see paras 29 & 34).

(2) There were two additions to the respondent's statement that were not stated in the pleadings or the police report ('P1') made by her. The respondent's evidence was also different from what was stated in P1 and her pleadings. The discrepancies weakened the credibility of the evidence insofar it was inconsistent (see paras 36–37 & 41).

(3) The magistrate erred when he failed to scrutinise the silent testimony which was the damages of the vehicle involved in determining how the accident occurred and where the accident took place. In the evidence, it was not stated whether the damage to the appellant's motorcycle was on the left or right. Apart from that, there was no evidence to show that there was damage to the right side of the respondent's motorcycle as alleged (see paras 44–47).

(4) Based on the above findings, on the balance of probabilities, the court held that the respondent was 50% vicariously liable for the accident that occurred. This finding was supported by the testimony of the investigation officer that confirmed that there was a possibility that the two motorcycles brushed against each other and this case was classified as 'Refer To Insurance' (see para 48).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalan raya, lihat 12(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1790–2092.

Kes-kes yang dirujuk

Bong Nyi Moi v Narayanasamy & Anor [1973] 1 MLJ 250, MP (dirujuk)
Chung Hwa Ying v Phang Mun Mooi & Anor [1987] 2 MLJ 693, MA (dirujuk)
Jalaludin Md Ali v Abdul Latif Nor Rahmat [1997] 4 CLJ Supp 233, MT (dirujuk)
Lee Ewe Teik v Ariffin Hussain [1990] 2 CLJ Rep 332, MT (dirujuk)
Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein [1999] 5 MLJ 172, MT (dirujuk)
Mohd Bakhtiar b Md Yusof v Muhammad Anwar b Abu Bakar & Anor [2009] 1 PIR 6, MS (dirujuk)
Ong Kim Hai v Kusaini bin Surip [1984] 2 MLJ 285, MP (dirujuk)
Paya Terubong Estates Sdn Bhd v Pusaka Warisan Sdn Bhd [1998] 2 MLJ 463; [1998] 2 CLJ 909, MR (dirujuk)
Shuib Awang lwn Abdul Manan Abdul Latif [1992] 1 CLJ Rep 623, MT (diikut)
Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395; [1996] 4 CLJ 545, MR (dirujuk)
Suriyati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor [2001] 2 MLJ 275; [2001] 1 CLJ 101, MT (dirujuk)

A *Tan Teong Seng & Anor v Tang Eng Le Trading & Transport Sdn Bhd & Anor* [2002] 7 MLJ 316, MT (dirujuk)

Nur Shakila bt Zorkefrie (SK Lee) bagi pihak perayu.
Sharimilathevy (Kala Lakshimi a/p Annamalai bersamanya) (Teo & Assoc) bagi
B *pihak responden.*

Al Baishah Abd Manan PK:

PENGENALAN

C

[1] Ini adalah rayuan perayu/defendan terhadap keputusan Majistret Johor Bahru pada 30 September 2015 yang telah mendapati defendan adalah 100% bertanggungan dalam kemalangan jalan raya yang berlaku pada 28 Mei 2014 jam lebih kurang 7.30am. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut,
D perayu/defendan telah memfailkan rayuan ini dan merayu atas isu tanggunggan sahaja.

[2] Manakala plaintif/responden telah memfailkan rayuan balas kerana tidak berpuas hati dengan isu kuantum sahaja. Namun begitu, rayuan balas
E tersebut telah ditarik balik pada 18 April 2016.

LATAR BELAKANG KES

[3] Satu kemalangan jalan raya telah berlaku pada 28 Mei 2014 jam lebih
F kurang 7.30am yang melibatkan motosikal No pendaftaran JKM 2641 yang ditunggang oleh responden/plaintif dengan motosikal No pendaftaran JMN 3857 yang ditunggang oleh perayu/defendan di Jalan Persiaran Perling, Johor Bahru.

G **[4]** Plaintif dan defendan mempunyai versi sendiri bagaimana kemalangan berlaku dan di mana *point of impact* kemalangan tersebut.

[5] Di akhir perbicaraan, majistret telah memutuskan bahawa defendan adalah bertanggungan atas kadar 100% terhadap plaintif dalam kemalangan
H tersebut.

MERIT RAYUAN

[6] Sebelum mahkamah ini menimbangkan merit rayuan oleh
I perayu/defendan, adalah menjadi undang-undang mantap bahawa mahkamah tidak akan mengganggu apatah lagi mengubah keputusan atau penemuan fakta yang dibuat oleh majistret sepertimana prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Bong Nyi Moi v Narayanasamy & Anor* [1973] 1 MLJ 250.

[7] Secara dasarnya, mahkamah di peringkat rayuan agak lambat untuk mengubah sebarang keputusan mahkamah bicara melainkan secara jelasnya terdapat kesilapan fakta atau undang-undang (lihat keputusan kes-kes *Jalaludin Md Ali v Abdul Latif Nor Rahmat* [1997] 4 CLJ Supp 233 dan *Paya Terubong Estates Sdn Bhd v Pusaka Warisan Sdn Bhd* [1998] 2 MLJ 463; [1998] 2 CLJ 909). Majistret mempunyai kelebihan untuk melihat, mendengar dan menilai segala keterangan yang diberi oleh saksi-saksi berbanding mahkamah di peringkat rayuan yang hanya membuat keputusan berdasarkan rekod rayuan serta hujahan pihak-pihak sahaja sepertimana yang diputuskan dalam kes *Suriyati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor* [2001] 2 MLJ 275. Namun begitu, sekiranya mahkamah di peringkat rayuan mendapati majistret telah terkhilaf dalam menilai keterangan sama ada atas persoalan fakta atau isu undang-undang, adalah menjadi tugas mahkamah di peringkat rayuan untuk menggunakan budi bicaranya untuk membetulkan kekhilafan tersebut sepertimana yang dijelaskan dalam kes *Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein* [1999] 5 MLJ 172. Di peringkat rayuan, sesuatu keputusan akan diubah sekiranya terdapat salah arah yang serius. Prinsip ini telah dinyatakan dengan jelas dalam kes *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395; [1996] 4 CLJ 545, yang memutuskan seperti berikut:

> It is trite law that this court will not readily interfere with the findings of fact arrived at by the court of first instance to which the law entrusts the primary task of evaluate of the evidence. But we are under a duty to intervene in a case where, as here, the trial court has so fundamentally misdirected itself, that one may safely say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion.

[8] Setelah meneliti dan memperhalusi hujahan bertulis serta hujahan lisan pihak-pihak beserta rekod rayuan yang difailkan, mahkamah mendapati terdapat beberapa isu yang dibangkitkan oleh perayu/defendan seperti berikut:

(a) tuan majistret telah terkhilaf berkenaan pertembungan kemungkinan berlaku di 'X';

(b) terdapat penambahan pada versi responden/plaintif; dan

(c) kerosakan pada motosikal.

ISU (A): TUAN MAJISTRET TELAH TERKHILAF BERKENAAN PERTEMBUNGAN KEMUNGKINAN BERLAKU DI 'X'

Hujahan peguamcara perayu/defendan

[9] Peguamcara perayu/defendan yang terpelajar telah menghujahkan bahawa, pada 28 Mei 2014 jam lebih kurang 7.30am, ketika perayu/defendan menunggang motosikal No pendaftaran JMN 3857 dari rumahnya di Nusa

Indah menghala ke Johor Bahru, dan apabila sampai di Jalan Persiaran Perling, Johor Bahru, motosikal No pendaftaran JKM 2641 yang ditunggang oleh plaintif/responden telah bersentuh dengan *handle* kanan motosikal perayu/defendan dan menyebabkan perayu/responden jatuh ke sebelah kiri jalan.

[10] Perayu/defendan telah membuat dua laporan polis di mana laporan polis pertama dibuat sejurus selepas kemalangan berlaku sepertimana eksh 'D5' dengan mengatakan bahawa motosikal yang responden/plaintif tunggang telah menghimpit motosikal perayu/defendan dari sebelah kiri dan melanggar motosikal perayu/defendan.

[11] Perayu/defendan selanjutnya membuat satu lagi laporan polis pembetulan pada 11 Mei 2015 sepertimana dalam eksh 'D6' yang mengatakan bahawa motosikal responden/plaintif datang dari sebelah kanan perayu/defendan dan bukannya dari sebelah kiri.

[12] Adalah dihujahkan oleh peguamcara perayu/defendan bahawa laporan polis kedua dibuat oleh perayu/defendan satu tahun selepas kemalangan bukannya bertujuan untuk menambah atau menukar versi tentang bagaimana kemalangan tersebut berlaku tetapi adalah satu laporan pembetulan tentang kedudukan sebenar motosikal plaintif sebelum kemalangan.

[13] Peguamcara perayu/defendan yang terpelajar berhujah bahawa tuan majistret telah gagal meneliti keterangan senyap dengan sewajarnya sebelum memutuskan untuk menerima versi plaintif. Dalam penghakimannya, tuan majistret memutuskan bahawa tempat pertembungan adalah di 'X' sepertimana yang ditanda oleh responden/plaintif dalam rajah kasar (ms 11 perenggan kedua) rekod rayuan tambahan 2. Namun begitu tiada kesan pelanggaran yang dilakar dalam eksh 'P2' (rajah kasar dan kunci).

[14] Selain itu, adalah dihujahkan bahawa SP1, pegawai penyiasat juga dalam keterangannya mengesahkan tiada kesan kemalangan di lokasi kemalangan — ms 18, rekod rayuan tambahan dan dapatan tuan majistret bahawa pertembungan mungkin berlaku di 'X' juga tidak disokong oleh hasil siasatan pihak polis secara keseluruhan.

[15] Peguamcara perayu/defendan berhujah bahawa dapatan tuan majistret bahawa pertembungan berlaku di 'X' adalah tidak disokong oleh keterangan senyap dan siasatan penuh pihak polis. Ini ditambah lagi apabila pihak polis mengklasifikasikan kes ini sebagai *Refer To Insurance* ('RTI') tanpa mana-mana pihak didapati cuai terhadap kemalangan — ms 21–22 rekod rayuan tambahan. Oleh itu, versi perayu/defendan bahawa pertembungan berlaku di 'Z' iaitu di Lorong A1 adalah *equally probable*.

Hujahan peguamcara responden/plaintif

[16] Peguamcara responden/plaintif menghujahkan bahawa pada 28 Mei 2014, jam lebih kurang 7.30am atau pada sekitar waktu, ketika responden/plaintif sedang menunggang motosikal No JKM 2641 dari arah Taman Perling menuju ke tempat kerja di Taman Gembira Larkin iaitu dari bawah ke atas (eksh 'P2' — rajah kasar dan kunci), dan apabila sampai berhampiran Jalan Persisiran Perling, motosikal perayu/defendan No JMN 3857 yang sedang dalam arah perjalanan yang sama di sebelah kanan iaitu dari arah yang sama hendak ambil susur di sebelah kiri untuk ke Johor Bahru (eksh 'P2' — rajah kasar dan kunci) telah secara tiba-tiba menghimpit dan menggesel motosikal responden/plaintif. Arah perjalanan responden/plaintif dan perayu/defendan disahkan oleh SP1 dalam keterangannya.

[17] Peguamcara responden/plaintif berhujah bahawa berdasarkan keterangan responden/plaintif, tempat pertembungan adalah di 'X' manakala perayu/defendan mengatakan tempat pertembungan adalah di 'Z'.

[18] Adalah menjadi hujahan peguamcara responden/plaintif bahawa tempat pertembungan adalah di 'X' kerana berdasarkan keterangan responden/plaintif, tiada keperluan untuk responden/plaintif memasuki susur kerana arah perjalanan responden/plaintif adalah terus. Ini dikuatkan lagi dengan keterangan perayu/defendan semasa disoal balas mengakui bahawa perayu/defendan melanggar belakang kanan motosikal responden/plaintif. Oleh itu tuan majistret tidak khilaf apabila menyatakan bahawa tandaan 'X' adalah lebih berkemungkinan untuk diterima sebagai tempat perlanggaran.

[19] Selanjutnya peguamcara responden/perayu berhujah walaupun SP1 tidak dapat menyatakan siapa yang cuai, itu bukanlah konklusif dan hanyalah pendapat SP1 sahaja. Walaupun kemalangan tersebut telah diklasifikasikan sebagai RTI, keputusan tersebut dibuat sebelum pembetulan laporan polis oleh perayu/defendan selepas satu tahun kemalangan berlaku sepertimana dalam keterangan SP1.

ISU (B): TERDAPAT PENAMBAHAN PADA VERSI RESPONDEN/PLAINTIF

Hujahan peguamcara perayu/defendan

[20] Selajutnya dihujahkan bahawa terdapat beberapa versi yang cuba dikemukakan oleh responden/plaintif seperti berikut:

(a) motosikal perayu/defendan datang dari sebelah kanan dan melanggar motosikal responden/plaintif — eksh 'P3' (laporan polis);

(b) motosikal perayu/defendan menghimpit dan menggesel motosikal responden/plaintif — seperti dalam pernyataan saksi SP2 (pemeriksaan utama);

(c) motosikal perayu/defendan memotong sebuah kereta dari arah kanan untuk masuk ke kiri — soalan tambahan semasa pemeriksaan utama; dan

(d) motosikal perayu/defendan menghentam motosikal responden/plaintif dari arah belakang kanan — semasa pemeriksaan balas.

[21] Oleh kerana terdapat penambahan pada versi responden/plaintif dalam keterangannya di mahkamah yang mana tidak dinyatakan dalam laporan polisnya sepertimana eksh 'P3', maka penambahan tersebut tidak patut mahkamah benarkan. Hujahan peguamcara perayu/defendan ini adalah bersandarkan kepada kes *Suriyati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor* [2001] 2 MLJ 275; [2001] 1 CLJ 101.

[22] Oleh kerana tuan majistret telah terkhilaf apabila memutuskan tanda 'X' adalah tempat pertembungan walaupun ia tidak disokong oleh keterangan senyap dan keterangan SP1 dan telah menerima versi plaintif yang berbeza-beza dan tidak konsisten dengan laporan polis, adalah dihujahkan bahawa mahkamah ini dibenarkan untuk mengubah keputusan hakim perbicaraan berdasarkan prinsip-prinsip yang diputuskan dalam kes *Ong Kim Hai v Kusaini bin Surip* [1984] 2 MLJ 285 dan *Chung Hwa Ying v Phang Mun Mooi & Anor* [1987] 2 MLJ 693.

[23] Oleh yang demikian, menjadi hujahan peguamcara perayu/defendan bahawa oleh kerana kemalangan berlaku akibat pergeselan antara kedua-dua buah motosikal, maka pembahagian tanggungan sewajarnya adalah sama rata; 50:50 dengan bersandarkan kes *Mohd Bakhtiar b Md Yusof v Muhammad Anwar b Abu Bakar & Anor* [2009] 1 PIR 6.

Hujahan pegaumcara responden/plaintif

[24] Berkenaan keterangan responden/plaintif, adalah dihujahkan bahawa testimoni responden/plaintif dengan pliding dan laporan polis adalah konsisten. Mahkamah ini telah dirujuk dengan kes *Shuib Awang lwn Abdul Manan Abdul Latif* [1992] 1 CLJ Rep 623 dan *Tan Teong Seng & Anor v Tang Eng Le Trading & Transport Sdn Bhd & Anor* [2002] 7 MLJ 316 yang memutuskan bahawa mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan tidak sepatutnya mengganggu keputusan terhadap penemuan fakta.

ISU (C): KEROSAKAN PADA MOTOSIKAL

Hujahan peguamcara perayu/defendan

[25] Peguamcara perayu/defendan seterusnya berhujah bahawa tuan majistret juga telah terkhilaf apabila tidak menilai kerosakan sebenar yang dialami oleh kedua-dua motosikal sebelum menerima versi responden/plaintif dan sebab itu kerosakan kenderaan tidak dirujuk oleh tuan majistret dalam alasan penghakimannya.

[26] Selajutnya dihujahkan bahawa dalam keterangannya SP1 sahkan kerosakan motosikal responden/plaintif adalah pada pemijak kaki kiri dan *handle* sebelah kiri bengkok sahaja — ms 19 dan 21 rekod rayuan tambahan. SP1 juga sahkan bahawa beliau tidak dimaklumkan tentang apa-apa kerosakan pada bahagian belakang motosikal responden/plaintif — ms 21 rekod rayuan tambahan. Maka peguamcara perayu/defendan berhujah bahawa kerosakan tersebut tidak menyokong versi responden/plaintif bahawa beliau dihentam dari arah belakang kanan. Dihujahkan juga bahawa versi perayu/defendan bahawa motosikal responden/plaintif datang dari arah sebelah kanan telah bersentuh dengan *handle* kanan motosikal perayu/defendan adalah lebih berkemungkinan.

[27] Adalah menjadi hujahan peguamcara perayu/defendan bahawa gambar kerosakan motosikal responden/plaintif di eksh 'P1(f)' yang menunjukkan No plat belakang separuh tertanggal bukanlah gambar yang diambil oleh pihak polis sebaliknya diserahkan oleh responden/plaintif kepada SP1 dan SP1 tidak pasti bila gambar tersebut diserahkan kepadanya. Oleh itu, ia bukanlah akibat impak dengan motosikal perayu/defendan dan tiada kerosakan lain di bahagian belakang motosikal responden/plaintif terutamanya bahagian belakang kanan.

Hujahan peguamcara responden/plaintif

[28] Berkenaan kerosakan motosikal-motosikal, adalah menjadi hujahan peguamcara responden/plaintif bahawa kerosakan motosikal responden/plaintif adalah di pemijak kaki kiri dan *handle* kiri. *Handle* bengkok. Kebanyakan yang rosak di bahagian sebelah kiri. Kerosakan sebelah kiri ini disebabkan jatuh. Manakala kerosakan motosikal perayu/defendan adalah di bahagian brek kaki dan tangan. Jadi gambar No plat motosikal responden/plaintif telah tertanggal di bahagian belakang adalah akibat jatuh disebabkan kemalangan.

A DAPATAN MAHKAMAH

[29] Mahkamah ini telah menimbang alasan penghakiman tuan majistret dan mendapati tuan majistret tidak membuat penemuan fakta berkaitan tempat pertembungan berlaku sama ada di 'X' atau di 'Z'.

B

[30] Mahkamah ini mendapati bahawa versi berlakunya kemalangan dan tempat pertembungan berlakunya kemalangan itu menjadi pertikaian pihak-pihak. Perayu/defendan mengatakan bahawa motosikal yang ditunggang oleh plaintif/responden telah bersentuh dengan *handle* kanan motosikal perayu/defendan dan menyebabkan perayu/responden jatuh ke sebelah kiri jalan. Maka tempat pertembungan adalah di 'Z' iaitu di Lorong A1 memandangkan arah perjalanan perayu/defendan adalah untuk ke susur menghala ke Johor Bahru.

C

D

[31] Manakala versi responden/plaintif pula adalah ketika perayu/defendan sedang dalam arah perjalanan yang sama di sebelah kanan iaitu dari arah yang sama hendak ambil susur di sebelah kiri untuk ke Johor Bahru, motosikal responden/plaintif telah secara tiba-tiba menghimpit dan menggesel motosikal responden/plaintif. Maka pertembungan adalah di 'X' iaitu di Lorong A2 kerana arah perjalanan responden/plaintif adalah dari bawah ke atas dan terus.

E

[32] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa jika terdapat dua versi kemalangan yang berbeza, versi mana yang *probable* akan ditentukan berpandukan keterangan senyap sebagaimana yang diputuskan oleh nas duluan dalam kes *Lee Ewe Teik v Ariffin Hussain* [1990] 2 CLJ Rep 332 yang menyatakan:

F

> In such a situation where the plaintiff rider and the driver have given two diametrically opposite versions as to how the collision occurred, the photograph, plan and measurements of the scene, and the nature of the damage to each vehicle must provide the most reliable guide by which their versions can be tested. (See *San Seong Choy & Ors v Yuson Bien* [1962] 1 LNS 181, per Ismail Khan J (as he then was).

G

H

[33] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguamcara perayu/defendan bahawa tiada kesan pelanggaran yang dilakar dalam eksh 'P2' (rajah kasar dan kunci) oleh keterangan SP1, pegawai penyiasat sepertimana di ms 18 rekod rayuan tambahan.

I

[34] Selain dari itu, mahkamah ini mendapati pihak polis tidak menjalankan siasatan secara menyeluruh. Ini dapat dilihat melalui keterangan SP1 yang menyatakan bahawa SP1 dan jurugambar bersama-sama perayu/defendan dan responden/plaintif hanya ke tempat kejadian dua hari selepas kemalangan (ms 13 rekod rayuan tambahan). Tambahan lagi SP1 hanya merakam

percakapan responden/plaintif sahaja dan hanya menemu bual perayu/defendan (ms 15 rekod rayuan tambahan). A

[35] Semasa SP1 ditunjukkan dengan eksh 'P2' (rajah kasar dan kunci) ketika pemeriksaan utama, SP1 tidak pasti tentang arah perjalanan perayu/defendan dan responden/plaintif sehingga mahkamah tidak benarkan untuk ianya ditanda kerana SP1 tidak pasti (ms 16–17 rekod rayuan tambahan). B

[36] Mahkamah ini mendapati terdapat pertambahan fakta dalam keterangan responden/plaintif yang tidak dinyatakan dalam pliding ataupun laporan polisnya sepertimana yang dihujahkan oleh peguamcara perayu/defendan. C

[37] Mahkamah ini sependapat dengan hujahan peguamcara perayu/defendan yang terpelajar bahawa keterangan responden/plaintif berbeza dengan apa yang dinyatakan dalam eksh 'P1' dan plidingnya seperti berikut: D

(a) dalam pliding dan laporan polisnya eksh 'P1' dinyatakan bahawa motosikal plaintif tersebut telah terlibat dalam suatu kemalangan jalan raya dengan motosikal perayu/defendan yang sedang dalam arah perjalanan yang sama di sebelah kanan motosikal plaintif yang secara tiba-tiba menghimpit dan menggesel motosikal plaintif; E

(b) manakala semasa diperiksa balas oleh peguamcara perayu/defendan, responden/plaintif mengatakan bahawa motosikal perayu/defendan telah melanggar bahagian belakang sebelah kanan motosikalnya; dan F

(c) semasa diperiksa balas juga, responden/plaintif mengatakan seorang rakan yang dikenali sebagai Nur Azura memberitahunya bahawa motosikal perayu/defendan telah memotong sebuah kereta dari arah kanan untuk masuk ke kiri. G

[38] Keterangan bahawa perayu/defendan memotong sebuah kereta dari arah kanan untuk masuk ke kiri seperti yang diberitahu oleh rakannya yang dikenali sebagai Nur Azura semasa pemeriksaan balas (ms 26 rekod rayuan tambahan) adalah keterangan dengar cakap dan seharusnya ditolak oleh mahkamah. Walaupun saksi Nur Azura ('SP4') ini dipanggil untuk memberi keterangan, namun ianya bercanggah dengan keterangan SP1 yang dalam keterangannya mengatakan dengan jelasnya bahawa tiada saksi bebas dan tiada rakaman percakapan Nur Azura diambil. Bagi memudahkan rujukan, dipetik keterangan berkenaan sepertimana ms 15 rekod rayuan seperti berikut: H I

Peguam Pf: Ada saksi bebas yang melihat kemalangan ini?

Saksi Ptf: Daripada kedua-dua pihak, tiada.

[39] Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan tuan majistret berhubung isu SP4 yang menyatakan bahawa responden/plaintif telah gagal membuktikan yang SP4 benar-benar berada di tempat kemalangan dan telah menyaksikan kemalangan tersebut.

[40] Mahkamah ini turut bersetuju dengan hujahan peguamcara perayu/defendan yang terpelajar berkenaan isu ini dan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Suriyati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor*.

[41] Oleh kerana dalam kes ini mahkamah mendapati responden/plaintif telah memberi keterangan yang boleh dikatakan bertentangan dan bercanggah dengan kandungan pernyataan tuntutan, dan laporan polisnya, dan fakta tersebut tidak dimasukkan dalam laporan polis dan plidingnya, berpandukan nas duluan, kegagalan responden/plaintif berbuat demikian boleh menjejaskan kepercayaan mahkamah tentang keterangan tersebut. Kepercayaan mahkamah ini terhadap keterangannya adalah tergugat dan mahkamah tidak boleh mempercayainya setakat mana ia bercanggah. Dapatan mahkamah ini dipandu oleh prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Shuib Awang*.

[42] Mahkamah ini berpendapat walaupun keterangan responden/plaintif adalah *probable*, keterangan perayu/responden juga *equally probable*. Namun tuan majistret telah terkhilaf apabila gagal meneliti keterangan senyap dalam menentukan bagaimana kemalangan berlaku dan tempat pertembungan berlakunya kemalangan.

[43] Selanjutnya, mahkamah ini berpendapat bahawa kerosakan kenderaan yang terlibat boleh dijadikan panduan bagi menentukan bagaimana perlanggaran berlaku dan tempat pertembungan berlakunya kemalangan.

[44] Namun begitu, tuan majistret telah terkhilaf apabila langsung tidak menyentuh isu ini dalam alasan penghakimannya. Oleh yang demikian, berpandukan kes *Lee Ewe Teik v Ariffin Hussain*, *Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein*, *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* dan *Suriyati Takril*, mahkamah ini terpaksa menyentuh isu dan fakta ini bagi membantu mahkamah ini dalam membuat penemuan fakta tentang isu tersebut.

[45] Responden/plaintif mengatakan kebanyakan kerosakan motosikalnya adalah di bahagian sebelah kiri. Kerosakan sebelah kiri ini disebabkan jatuh begitu juga dengan nombor plat yang senget. Namun begitu, SP1 nyatakan bahawa beliau tidak lihat kerosakan sebenar motosikal responden/plaintif sebaliknya berpandukan kepada gambar yang dihantar oleh responden/plaintif sendiri dan SP1 juga tidak pasti bila gambar tersebut diambil. Juga tiada penjelasan tentang ini dalam keterangan responden/plaintif. Selain itu, SP1 juga beri keterangan bahawa kerosakan motosikal perayu/defendan adalah

berdasarkan kepada laporan polis yang perayu/defendan buat. Berdasarkan ini, timbul persoalan berkenaan kerosakan sebenar motosikal responden/plaintif dan perayu/defendan dan secara tidak langsung menguatkan lagi dapatan mahkamah ini bahawa SP1 gagal membuat siasatan menyeluruh tentang kerosakan motosikal-motosikal yang terlibat dalam kemalangan tersebut. Tambahan lagi, isu kerosakan ini langsung tidak disentuh oleh tuan majistret dalam alasan penghakimannya. Maka, adalah wajar bagi mahkamah ini mengganggu dapatan tuan majistret berkenaan versi bagaimana kemalangan berlaku.

[46] Selanjutnya, dengan mengambil kira kerosakan motosikal perayu/defendan di bahagian *handle*, *fook*, *brake* kaki dan tangan, *cover set* pecah, rim/tayar bengkok, mahkamah ini mendapati daripada keterangan tidak dinyatakan di bahagian kiri atau kanan kerosakan tersebut. Tambahan lagi, walaupun responden/plaintif berada di laluan untuk terus, responden/plaintif juga mempunyai tanggungjawab untuk berhati-berhati.

[47] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguamcara perayu/defendan yang terpelajar bahawa sekiranya motosikal perayu/defendan melanggar bahagian belakang kanan motosikal responden/plaintif, tiada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa terdapat kerosakan di bahagian belakang kanan motosikal responden/plaintif. Ini menguatkan lagi dapatan mahkamah ini bahawa keterangan yang berbeza-beza telah diberi oleh responden/plaintif.

[48] Atas dasar imbangan kebarangkalian, mahkamah ini mendapati responden/plaintif turut cuai sumbangan 50% dalam kemalangan yang berlaku. Dapatan mahkamah ini turut disokong oleh keterangan SP1 yang mengesahkan ada kemungkinan kedua-dua motosikal ini bergesel antara satu sama lain dan kes ini diklasifikasikan sebagai RTI.

[49] Mahkamah ini berpendapat tuan majistret telah terkhilaf dalam memutuskan bahawa perayu/defendan adalah 100% bertanggungan tanpa mengambil kira fakta-fakta serta keterangan yang telah mahkamah ini ulas seperti di atas. Maka, mahkamah ini membenarkan rayuan perayu/defendan dan memutuskan bahawa tanggungan kecuaian adalah sama rata iaitu 50% perayu/defendan dan 50% responden/plaintif dengan kos sebanyak RM1,000.

Rayuan dibenarkan; diputuskan bahawa tanggungan kecuaian adalah sama rata iaitu 50% perayu dan 50% responden dengan kos sebanyak RM1,000.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar